

## LELAKI PUTUS TANGAN MAIN MERCUN BUATAN SENDIRI



### APA YANG TERJADI?

Gara-gara bermain mercun buatan sendiri, seorang lelaki berusia 27 tahun putus tangan kiri dan sebahagian jari tangan kanan di Kampung Gong Pak Damat, Kuala Nerus.

Kejadian yang turut mencederakan beberapa bahagian badan mangsa itu dikatakan berlaku pada pukul 3.30 pagi. Tangan kiri mangsa putus hingga ke pergelangan, beberapa jari kanannya hancur manakala beberapa bahagian badan lain turut cedera. Mangsa berkenaan telah dikejarkan ke Unit Rawatan Rapi (ICU) Hospital Sultanah Nur Zahirah, Kuala Terengganu.

### PUNCA?

- Siasatan awal mendapati lelaki berkenaan telah membancuh mercun buatan sendiri menggunakan mercun bola dan paip PVC
- Mercun buatan sendiri berkenaan telah menyebabkan letupan besar sehingga menyebabkan mangsa mengalami kecederaan serius
- Menggunakan mercun bola yang mengandungi bahan membakar yang boleh membahayakan keselamatan.

### HAZARD BERKAITAN

- Letupan
- Terbakar
- Mengakibatkan kecacatan kekal

### APA YANG BOLEH DIPELAJARI?

- Memastikan mercun yang dibeli adalah dibenarkan oleh undang-undang iaitu hanya mercun pop-pop dan happy boom
- Membeli mercun dari penjual yang mempunyai permit dari KDN
- Tidak mengubahsuai mercun yang dibeli

